

02 SEP 2001

Mahathir-Tabung Haji

ORANG RAMAI ANGGAH TABUNG HAJI SEBAGAI BANK, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 2 Sept (Bernama) -- Umat Islam yang menabung melalui Tabung Haji telah tersalah anggap mengenai fungsi sebenar badan itu dengan menganggapnya seperti sebuah bank perdagangan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, orang ramai menyimpan di Tabung Haji dengan mengharapkan pulangan yang lebih tinggi daripada simpanan tetap di bank sedangkan matlamatnya adalah untuk tabungan bagi mengerjakan ibadah haji.

"Saya khuatir ramai yang anggap Tabung Haji sebagai sebuah bank dan mengharapkan pulangan yang lebih tinggi bagi simpanan mereka berbanding apa yang mereka boleh terima daripada simpanan tetap bank," katanya kepada pemberita sebelum berlepas ke Kuala Lumpur selepas meninjau perkembangan projek pembangunan di sini.

Kebelakangan ini, para pendeposit Tabung Haji mempertikaikan pengurusan badan itu apabila simpanan mereka tidak mendatangkan pulangan yang tinggi dengan bonus 5.5 peratus yang diisytiharkan bagi tahun lalu sebagai yang terendah pernah diisytiharkan dalam sejarah badan itu.

Akhbar baru-baru ini juga melaporkan mengenai kehilangan beberapa juta ringgit wang penyimpan.

Perdana Menteri juga berkata matlamat utama sebenar Tabung Haji semasa diwujudkan ialah untuk membolehkan umat Islam mengumpul wang bagi mengerjakan Rukun Islam yang kelima.

"Tetapi sekarang ini orang ramai menganggap Tabung Haji sebagai sebuah bank," katanya.

Dr Mahathir juga menyambut baik perlantikan Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Capital Partners Bhd Datuk Seri Syed Anwar Jamalulail sebagai Pengerusi Panel pelaburan badan itu.

"Saya yakin dengan pengalaman beliau dalam bidang perniagaan, pelaburan dan perakaunan, beliau dapat memberi input yang mendalam dan profesional terhadap pelaburan Tabung Haji," katanya.

Perlantikan beliau dapat membetulkan kesilapan Tabung Haji sebelum ini yang membuat banyak pelaburan dalam bidang yang tidak mendatangkan pulangan menguntungkan.

-- BERNAMA

NH PR